

NO. SOALAN: 12

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dilakukan oleh kerajaan dalam perkara yang melibatkan hukum halal dan haram bagi umat Islam, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan penggunaan bahan-bahan yang sensitif seperti berus cat bulu babi yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Jabatan Agama Islam Negeri(MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan ataupun barang-barang itu adalah halal mengikut Perintah Perihal

Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Halal 2011. JAKIM dan MAIN/JAIN hanya akan merujuk kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, Semakan Ketiga 2014, Klaus 5.2 (v) - Keperluan Umum Pensijilan Halal, yang menyatakan bahawa penggunaan peralatan atau berus daripada haiwan tidak dibenarkan.

Berkaitan dengan penggunaan bahan-bahan yang sensitif seperti berus bulu babi, dimaklumkan ianya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK) dan tertakluk di bawah Perintah Perihal Dagangan (Barang-Barang Diperbuat Daripada Mana-Mana Bahagian Babi Atau Anjing) 2013.

Sehubungan itu, pihak KPDKKK telah memberi tempoh sebulan mulai 9 Februari 2017 dan telah menasihatkan peniaga agar mengasingkan daripada barang-barang lain dan meletakkan label "tidak halal" pada produk yang menggunakan bahan daripada binatang sama ada babi atau anjing yang hendak dijual kepada orang ramai. KPDKKK akan mengambil tindakan mengikut undang-undang kepada peniaga yang masih tidak mematuhi Perintah Perihal Dagangan (Barang-barang yang Diperbuat Daripada Bahagian Babi atau Anjing) 2013 yang menetapkan produk tersebut perlu dilabelkan.

Walau bagaimanapun, JAKIM dan MAIN/JAIN turut mengambil langkah-langkah pengawalan dalam pematuhan pensijilan halal dengan melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan sekiranya peralatan seperti berus bulu babi digunakan dalam pemprosesan produk atau sajian makanan halal.

Kerajaan juga telah melaksanakan inisiatif dengan menubuhkan Pusat Analisis Halal Malaysia atau *Malaysia Halal Analysis Centre* (MyHAC) di Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan Darul Khusus yang dilengkapi dengan peralatan canggih termasuk peralatan yang dapat menganalisis sampel bulu atau kulit babi daripada sesuatu produk atau barang. Penubuhan MyHAC dapat meningkatkan kredibiliti Pensijilan Halal Malaysia di dalam dan luar negara serta dapat meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk pensijilan Halal Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 8 MAC 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pekerja awam mengikut Kementerian serta apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan produktiviti and kecekapan pekerja awam dan pentadbiran Kerajaan.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Januari 2017, terdapat seramai 1,590,022 orang penjawat awam. Daripada jumlah berkenaan seramai 1,418,712 (89.23%) penjawat awam ditempatkan di peringkat Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan produktiviti penjawat awam. Salah satu pendekatan yang telah digunakan adalah dengan memperkenalkan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Konsep NBOS merupakan langkah bersepadu Kerajaan melaksanakan inisiatif melalui perkongsian pintar antara Kementerian dan agensi. Reka bentuk dan rangka NBOS menekankan kepada prinsip impak tinggi, kos rendah, pelaksanaan pantas dan mampan. Pelaksanaan inisiatif dan program di bawah NBOS mampu mengelakkan pertindihan tugas serta masalah birokrasi antara kementerian dan mengagihkan semula secara kreatif sumber yang tidak digunakan dengan optimum. Kerajaan kini sedang merangka kaedah untuk mengukur

produktiviti perkhidmatan awam bagi memastikan sumber-sumber berkaitan digunakan dengan cekap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap anggota perkhidmatan awam juga perlu melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. Pada masa ini sebahagian besar program-program pembangunan sumber manusia dikendalikan oleh 343 Institut Latihan Awam (ILA).

Sekian, terima kasih.